

BAB ENAM

KEANGGOTAAN DALAM BADAN PERUNDANGAN PERSEKUTUAN DI MALAYSIA

6.1 Parlimen Malaysia Sebagai Sebuah Badan Perundangan

Badan Perundangan Persekutuan bagi negara Malaysia masa kini ialah Parlimen.¹ Perkataan Parlimen adalah istilah Melayu yang diambil dari perkataan bahasa Inggeris “*Parliament*”.² Perkatan “*Parliament*” dalam bahasa Inggeris³ itu pula asalnya dipetik dari perkataan Prancis “*Parler*” yang memberi maksud untuk bercakap (*to talk*).⁴ Pada asalnya parlimen merupakan tempat untuk bercakap berbincang dan bersidang tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan pemerintahan negara. Walau bagaimana pun fungsi utama parlimen bukanlah semata-mata untuk bercakap atau bersidang sahaja, tetapi yang paling penting parlimen adalah tempat untuk menentukan undang-undang dan polisi negara.⁵

Parlimen telah dijadikan sebagai nama bagi badan perundangan yang terdapat dibanyak buah negara diseluruh dunia. Istilah ini dipakai tidak kira samada negara tersebut mengamalkan sistem apa sekalipun, samada sistem yang diamalkan ialah sistem demokrasi, sistem aristokrasi atau sistem diktator.⁶ Dari segi perlaksanaannya ia bukan sahaja diperlakukan di negara demokrasi, tetapi juga dinegara yang mengamalkan sistem komunis. Contohnya Russia dan beberapa

negara komunis lain juga menggunakan “*parliamentary frame work*”.⁷ Kebanyakan negara-negara bekas jajahan British dan negara-negara komanwel menggunakan istilah parlimen untuk badan perundangan di negara mereka. Diantara negara-negara yang memakai istilah parlimen untuk badan perundangan di negara masing-masing ialah, United Kingdom⁸, India, Pakistan, Finland, Fiji, Austria, Jerman, Sweden, Australia, Canada , Bangladesh, Malaysia dan lain-lain.⁹

Istilah “*parliament*” dalam Bahasa Inggeris bagi negara Malaysia telah disebutkan di dalam perkara 44 Perlembagaan Persekutuan. Perkara 44 memperuntukkan bahawa: “*The legislative authority of Federation shall be vested in a Parliament...*”.¹⁰ Maksudnya dalam bahasa Melayu ialah: “*Kuasa perundangan Persekutuan adalah terletak pada parlimen...*”.¹¹ Kenyataan ini membuktikan bahawa istilah dan ejaan perkataan asal dalam bahasa Inggeris “*parliament*” telah bertukar menjadi istilah Melayu dengan ejaan Melayunya “*parlimen*”. Perkataan parlimen itu sudah menjadi istilah biasa dalam bahasa Melayu dan ia digunakan secara meluas dalam berbagai-bagai aspek penulisan, khususnya yang berkaitan dengan perlembagaan dan politik Malaysia pada hari ini.

Mengikut perspektif Islam nama atau istilah yang digunakan bagi sesebuah badan perundangan bukanlah menjadi suatu persoalan yang utama. Yang paling utama ialah sifat dan ciri-ciri keislaman sebagaimana yang di jelaskan dalam bab satu disertasi ini hendaklah ada pada badan tersebut. Di Malaysia, badan perundangan yang ada masih lagi belum mengamalkan konsep dan ciri-ciri keislaman sepenuhnya. Pembentukan dan perjalanan badan perundangan masih lagi terikat dengan ketetapan yang terdapat di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Perlembagaan Persekutuan juga mengakui secara sah bahawa Parlimen Malaysia adalah merupakan sebuah badan perundangan Persekutuan yang rasmi untuk negara Malaysia.¹² Secara umum Parlimen mengandungi Yang di-Pertuan Agong dan dua majlis yang dinamakan Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Mereka yang menganggotai Dewan Negara dan Dewan Rakyat digelar sebagai ahli parlimen.¹³ Ketiga-tiga institusi tersebut bertindak secara bersama untuk menggubal undang-undang negara. Fungsi-fungsi setiap bahagian daripadanya telah ditentukan di dalam Perlembagaan Persekutuan.

6.2 Kedudukan Yang Di-Pertuan Agong

Yang di-Pertuan Agong merupakan ketua Negara Malaysia yang paling tinggi status kedudukannya berbanding dengan pemimpin-pemimpin lain di negara ini.¹⁴ Baginda berhak menyimpan dan menggunakan Mohor Besar Persekutuan.¹⁵ Yang di-Pertuan Agong ialah ketua negara, berbeza dengan Perdana Menteri sebagai ketua kerajaan. Raja memiliki kuasa sementara Perdana Menteri berkuasa megendalikan pemerintahan¹⁶ Oleh itu Baginda mempunyai keutamaan yang lebih dari orang lain di Malaysia. Di antara keutamaan yang dimiliki oleh Baginda ialah menjadi ketua kepada semua raja-raja Melayu yang lain di seluruh Malaysia.¹⁷ Status Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua itu diakui oleh Majlis Raja-Raja Melayu¹⁸ kerana perlantikan Baginda itu dibuat berasaskan persetujuan Majlis Raja-raja Melayu.¹⁹

Baginda ialah raja yang terpilih menjadi Yang di-Pertuan Agong oleh majlis Raja-Raja untuk jangka masa lima tahun.²⁰ Tempoh biasa bagi Yang di-Pertuan Agong memegang jawatannya ialah selama lima tahun. Namun demikian Baginda bebas untuk melepaskan jawatan tersebut pada bila-bila masa sahaja dengan mengutus surat kepada Majlis Raja-Raja. Majlis Raja-Raja boleh juga memecat²¹ pemegang jawatan Yang di-Pertuan Agong menurut budi bicara mereka.²² Jawatan Yang di-Pertuan Agong juga akan gugur bila Baginda berhenti daripada menjadi raja.²³ Begitu juga Baginda hendaklah berhenti dari menjalankan fungsinya sebagai Yang di-Pertuan Agong sekiranya Baginda dipertuduh atas sesuatu kesalahan di Mahkamah Khas.²⁴

Mengikut Jadual Ketiga Perlembagaan Persekutuan setiap Raja Melayu layak untuk dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong kecuali dengan sebab-sebab tertentu beliau tidak boleh dipilih. Misalnya seseorang raja tidak boleh menjadi Yang di-pertuan Agong sekiranya Baginda adalah seorang remaja.²⁵ Begitu juga Baginda tidak boleh dilantik jika Baginda sendiri memberitahu Penyimpan Mohor Besar Raja-raja bahawa Baginda tidak bersedia untuk dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong.²⁶ Majlis Raja-raja juga berkuasa membuat ketetapan bahawa seseorang raja itu tidak layak menjadi Yang di-Pertuan Agong sekiranya Baginda didapati cacat akal atau terdapat kecacatan tubuh badan atau kerana terdapat sebab-sebab lain yang tidak dinyatakan di dalam Perlembagaan Persekutuan. Namun demikian ketetapan yang dibuat oleh Majlis Raja-Raja itu hendaklah dibuat dengan cara undi sulit bukannya dengan cara perbincangan yang terbuka.²⁷

Secara umumnya di dalam Jadual Ketiga Perlembagaan Persekutuan tidak dihuraikan secara terperinci mengenai sifat-sifat dan syarat-syarat yang seharusnya dimiliki oleh seseorang bakal Yang di-Pertuan Agong. Yang tersenarai hanyalah beberapa perkara yang sekiranya ada pada diri seseorang raja Baginda dianggap tidak layak untuk dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong. Terdapat perkara-perkara yang kurang jelas, misalnya mengikut seksyen 1 (1) (a) Jadual Ketiga Perlembagaan Persekutuan seseorang raja yang masih remaja tidak layak dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong, tetapi tidak dijelaskan berapakah had umur yang dikira remaja itu. Begitu juga tidak disebut secara jelas tentang syarat-syarat orang yang layak dilantik menjadi ketua negara (Yang di-Pertuan Agong).

Peruntukan tersebut berbeza dengan konsep Islam yang menggariskan secara terperinci sifat-sifat yang mesti ada pada Ketua Negara. Mengikut konsep Islam seseorang Ketua Negara itu mestilah beragama Islam, merdeka, lelaki, berakal dan sampai umur. Disamping itu seseorang ketua negara mestilah bersifat adil dengan memenuhi syarat-syaratnya, mempunyai ilmu pengetahuan yang mencapai taraf sebagai seorang *mujtahid*, khususnya dalam masalah yang ada kaitan dengan hukum hakam. Begitu juga ketua negara mestilah sempurna anggota badan, pancaindera dan tidak ada sebarang kecacatan.²⁸ Oleh itu jika ingin memilih ketua negara berdasarkan prinsip-prinsip Islam beberapa peruntukan hendaklah ditambah dalam perlembagaan Persekutuan agar ianya memenuhi beberapa syarat yang dituntut oleh syari'ah Islam.

Jawatan Yang di-Pertuan Agong adalah ditawarkan oleh Majlis Raja-Raja kepada raja yang layak untuk dipilih mengikut susunan senarai yang telah dipersetujui oleh Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja sesama mereka. Raja yang layak untuk dipilih ialah raja yang negerinya berada ditempat pertama dalam senarai pemilihan tersebut. Apabila Raja yang ditawarkan jawatan tersebut menerima jawatan itu, Majlis Raja-Raja hendaklah mengisyiharkan bahawa Raja tersebut telah dipilih. Penyimpan mohor Besar Raja-Raja hendaklah memberitahu keputusan itu secara bertulis kepada Dewan Negara dan Dewan Rakyat.²⁹

Sebelum bertugas Baginda mengangkat dan menandatangani suatu sumpah jawatan di hadapan Majlis Raja-Raja dengan dihadiri oleh Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan.³⁰ Sumpah itu juga hendaklah disaksikan serta ditandatangani oleh dua orang yang dilantik untuk tujuan tersebut oleh Majlis Raja-Raja. Sumpah itu adalah suatu jaminan yang menyatakan bahawa Baginda akan melakukan tugas dengan adil dan jujur dalam pentadbiran Malaysia, akan membela keadilan serta keamanan dalam negara sejajar dengan peruntukan undang-undang dan perlombagaan Malaysia.³¹ Baginda juga hendaklah berikrar akan memelihara agama Islam pada setiap masa. Dalam sumpah tersebut terdapat suatu jaminan khusus yang menyebut bahawa Baginda pada setiap masa akan memelihara agama Islam yang suci. Jaminan tersebut adalah sebagaimana berikut:

“...Dan lagi kami berikrar mengaku dengan sesungguh dan dengan sebenarnya memeliharakkan pada setiap masa Ugama Islam dan berdiri tetap di atas pemerintahan yang adil dan aman di dalam negeri.”³²

Petikan di atas menggambarkan bahawa Yang di-Pertuan Agung merupakan ketua negara yang mempunyai tanggungjawab yang sangat besar untuk memelihara dan mendaulatkan segala tuntutan yang terdapat di dalam agama Islam agar ianya dapat dilaksanakan dengan sempurna di peringkat negara.

Parlimen Malaysia mengandungi Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat.³³ Baginda adalah ketua tertinggi badan perundangan negara yang mempunyai tugas yang paling penting dalam penggubalan undang-undang. Sesuatu undang-undang yang ingin dilaksanakan mestilah terlebih dahulu diperkenankan dan diluluskan oleh Baginda.³⁴ Walau pun Baginda tidak duduk bersidang bagi setiap kali persidangan, Baginda mempunyai kuasa untuk meluluskan undang-undang yang telah dipersetujui oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Yang di-Pertuan Agong hendaklah dalam masa tiga puluh hari memperkenan dan meluluskan rang undang-undang yang dikemukakan kepada Baginda dengan dicapkan dengan Mohor Besar. Sesuatu Rang Undang-undang itu secara rasmi menjadi undang-undang apabila ianya disahkan oleh Yang di-Pertuan Agong.³⁵

Walaupun Yang di-Pertuan Agong diberi kuasa untuk meluluskan undang-undang yang telah dipersetujui oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara di Parlimen, Baginda tidak ada kuasa untuk menghalang atau membatalkan Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh kedua-dua dewan tersebut. Mengikut perkara 66 (4A) Perlembagaan Persekutuan, jika sesuatu Rang Undang-undang yang telah dipersetujui dan diluluskan di Parlimen tidak diperkenankan oleh Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam masa tiga puluh hari selepas ianya

dikemukakan kepada Baginda, Rang Undang-undang tersebut tetap akan menjadi undang-undang secara sah, seolah-olah Baginda telah memperkenankannya.³⁶ Peruntukan yang terdapat dibawah perkara 66 (4A) itu membuktikan bahawa Yang di-Pertuan Agong bukanlah seorang “*Raja Mutlak*”. Sebaliknya Baginda merupakan seorang “*Raja Berperlembagaan*” yang berkhidmat di bawah sistem kerajaan demokrasi berparlimen sebagaimana yang diamalkan di negara Malaysia. Dalam menjalankan tugas-tugasnya Baginda sentiasa terikat dengan peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam Perlembagaan negara ini.

Yang di-Pertuan Agong juga diberi kuasa untuk memanggil, memberhentikan dan membubarkan Parlimen. Baginda dikehendaki memanggil Parlimen bermesyuarat dari masa ke semasa dan tidak boleh dibiarkan enam bulan berselang di antara mesyuarat akhir bagi satu persidangan dengan mesyuarat pertama bagi persidangan yang akan datang.³⁷ Baginda juga mempunyai hak untuk menyampaikan ucapan samada di Majlis Dewan Negara atau Dewan Rakyat atau kepada kedua-dua Majlis secara bersama.³⁸ Baginda diberi kuasa untuk melantik Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat.³⁹

Yang di-Pertuan Agong juga berkuasa melantik sebahagian dari ahli-ahli Dewan Negara, iaitu seramai empat puluh orang.⁴⁰ Selain itu Baginda boleh melantik dua orang ahli yang mewakili Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan seorang ahli yang mewakili Wilayah Persekutuan Labuan dan seorang ahli bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya.⁴¹ Ahli-ahli Dewan Negara yang dilantik oleh Baginda biasanya adalah dari kalangan orang-orang yang berbuat jasa yang cemerlang dalam perkhidmatan awam atau telah mencapai kepujian dalam lapangan profesyen, perdagangan, perusahaan, pertanian, kegiatan

kebudayaan atau perkhidmatan masyarakat atau yang mewakili kaum-kaum yang kecil bilangannya atau yang mempunyai kebolehan mewakili kepentingan orang-orang asli.⁴² Sekiranya berlaku kekosongan Ahli Dewan Negara dari kalangan wakil-wakil negeri, Yang di-Pertuan Agong berkewajipan memberi notis kepada Raja atau Yang Dipertua negeri berkenaan untuk memilih wakil lain bagi menggantikan tempat tersebut.⁴³

Atas kedudukan pribadi Baginda yang tinggi itu, Baginda tidak boleh didakwa dalam apa-apa jua pembicaraan dalam mana-mana mahkamah, kecuali dalam Mahkamah Khas sahaja.⁴⁴ Dalam bidang agama Baginda kekal menjadi ketua agama di negeri Baginda⁴⁵ dan juga ketua agama di negeri-negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak,⁴⁶ dan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.⁴⁷ Baginda juga diberikan tanggung jawab untuk memelihara kedudukan istimewa orang-orang Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak serta kepentingan yang sah bagi kaum-kaum lain di negara Malaysia.⁴⁸

6.3 Keanggotaan Dalam Dewan Negara

Dewan Negara merupakan sebuah Majlis Tertinggi di Parlimen Malaysia. Dewan Negara dianggotai oleh dua kumpulan ahli-ahli, iaitu kumpulan ahli yang dipilih dan kumpulan ahli yang dilantik. Ahli yang dipilih ialah ahli-ahli yang ditentukan oleh Dewan Negeri bagi seluruh negeri-negeri di Malaysia.⁴⁹ Setiap negeri dikehendaki memilih dua orang wakil yang akan dihantar untuk menjadi anggota Dewan Negara di Parlimen.⁵⁰ Jumlah mereka ialah seramai dua puluh enam orang yang mewakili tiga belas buah negeri di seluruh Malaysia.

Walau bagaimanapun parlimen boleh dengan kebenaran undang-undang untuk menambah bilangan ahli-ahli yang akan dipilih bagi tiap-tiap satu negeri hingga menjadi tiga orang. Parlimen juga boleh mengurangkan bilangan ahli-ahli yang dilantik atau memecat ahli-ahli yang sudah dilantik. Begitu juga parlimen dengan kebenaran undang-undang boleh mencadangkan supaya ahli-ahli yang akan dipilih bagi tiap-tiap satu negeri dipilih dengan undi terus oleh pemilih-pemilih di Negeri tersebut.⁵¹ Sekiranya sistem pemilihan terus ingin dilaksanakan untuk melantik ahli Dewan Negara yang mewakili sesebuah negeri, negeri yang terlibat dikira menjadi satu bahagian pilihanraya. Daftar pemilih untuk Dewan Rakyat boleh juga menjadi daftar pemilih untuk Dewan Negara. Setiap orang pemilih hanya dibenarkan mengundi sebanyak bilangan kerusi yang ingin dipenuhi di Dewan Negara sahaja. Segala peraturan pilihanraya yang diamalkan untuk memilih ahli Dewan Rakyat boleh diterima pakai untuk memilih ahli Dewan Negara.⁵²

Sebahagian yang lain pula adalah ahli-ahli yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Jumlah keseluruhan ahli-ahli yang boleh dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong ialah seramai empat puluh empat orang. Mereka ialah dua orang ahli bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, seorang ahli bagi Wilayah Persekutuan Labuan, seorang ahli bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya dan empat puluh orang ahli dari berbagai-bagai bidang yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong. Baginda hendaklah melantik orang-orang yang pada pendapatnya telah berbuat jasa cemerlang dalam perkhidmatan Awam atau telah mencapai kepujian dalam lapangan profesyen, perdagangan, perusahaan, pertanian, kegiatan kebudayaan atau perkhidmatan masyarakat atau yang mewakili kaum-kaum yang kecil bilangannya atau yang mempunyai kebolehan mewakili kepentingan orang-orang asli.⁵³

Tiap-tiap ahli Dewan Negara dikehendaki mengangkat dan menandatangani sumpah taat setia kepada Malaysia dan perlembagaannya sebelum mengambil tempat untuk bertugas.⁵⁴ Majlis mengangkat sumpah itu boleh dibuat dihadapan orang yang mengetuai Majlis Parlimen itu (biasanya Yang Dipertua Dewan Negara). Sebelum bersumpah dia boleh mengambil bahagian dalam pemilihan Yang Dipertua Dewan itu.⁵⁵ Tempoh perkhidmatan bagi ahli-ahli Dewan Negara ialah selama tiga tahun. Tempoh perkhidmatan mereka tidak terikat dengan pembubaran Parlimen. Ini bermakna mereka masih menjadi ahli Dewan Negara yang sah walau pun Yang di-Pertuan Agong membubarkan Parlimen.⁵⁶ Tetapi jika sekiranya beliau dilantik atau dipilih kerana mengantikan seseorang ahli yang meninggal atau berhenti menjadi ahli dewan, maka tempoh perkhidmatannya adalah selama tempoh baki tempoh asal jawatan itu.⁵⁷ Ahli Dewan Negara diberi kebebasan untuk meletak jawatan. Sekiranya mana-mana ahli Dewan Negara ingin berhenti berkhidmat atau meletakkan jawatannya beliau boleh berbuat demikian dengan mengutuskan surat yang ditandatanganinya sendiri kepada Yang Dipertua Dewan Negara.⁵⁸

Jika berlaku sesuatu kekosongan dalam Dewan Negara bagi ahli-ahli yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, maka kekosongan tersebut hendaklah dipenuhi dalam masa enam puluh hari bermula dari tarikh berlakunya kekosongan tersebut.⁵⁹ Pilihan atau pelantikan tersebut hendaklah dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong bagi menentukan ahlinya yang baru.⁶⁰ Jika kekosongan tersebut melibatkan ahli-ahli yang dipilih oleh negeri, Yang di-Pertuan Agong hendaklah memberi notis kekosongan tersebut kepada Raja atau Yang Dipertua Negeri bagi negeri yang terlibat. Mereka hendaklah mengarahkan Dewan Negara masing-masing supaya memilih ahli baru dengan seberapa segera yang boleh.⁶¹

Dewan Negara hendaklah melantik seorang Yang di-Pertua dan seorang Timbalan Yang Dipertua bagi mengetuai dan mengendalikan perjalanan mesyuarat di Dewan tersebut. Kedua-dua jawatan tersebut hendaklah dipilih dari kalangan ahli Dewan Negara sahaja tidak boleh diambil dari calon-calon lain dari luar Dewan tersebut. Selagi jawatan Yang Dipertua Dewan itu belum dipilih Dewan tidak boleh mengadakan apa-apa perbahasan kecuali mengadakan perbincangan untuk melantik Yang Dipertua sahaja.⁶² Parlimen melalui ketetapan yang digubal hendaklah menentukan skim gaji Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua⁶³ dan ahli-ahli Dewan Negara yang lain.⁶⁴ Wang gaji tersebut hendaklah diambil dari Kumpulan Wang Yang Disatukan.

Jawatan Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara akan tamat apabila orang yang memegang jawatan tersebut telah tamat tempoh perkhidmatannya sebagai ahli Dewan Negara. Begitu juga sekiranya beliau hilang kelayakan atau sengaja berhenti dari menjadi ahli Dewan Negara. Kedua-dua mereka diberi kebebasan untuk meletakkan jawatannya pada bila-bila masa sahaja.⁶⁵ Seseorang ahli Dewan Negara yang telah dilantik mempunyai kebebasan untuk berhenti dari menjadi ahli Dewan tersebut. Sekiranya beliau ingin berhenti, beliau boleh menulis sepucuk surat yang ditandatanganinya sendiri kepada Yang di-pertua Dewan tersebut dengan menyatakan bahawa beliau ingin meletakkan jawatan.⁶⁶

Jika berlaku kekosongan jawatan Yang Dipertua atau beliau tidak datang untuk mengetuai majlis perbincangan di Dewan Negara, tugas tersebut hendaklah diambil alih oleh Timbalan Yang Dipertua. Jika jawatan Timbalan Yang Dipertua juga berlaku kekosongan atau beliau tidak hadir dalam persidangan, maka seseorang ahli lain sebagaimana ditetapkan oleh kaedah-kaedah acara Dewan Negara bolehlah menjalankan tugas sebagai Yang Dipertua.⁶⁷ Jika sekiranya orang yang dipilih untuk menjadi Yang Dipertua Dewan Negara merupakan seorang ahli Dewan Negeri beliau hendaklah terlebih dahulu berhenti daripada Dewan Negeri itu sebelum menjalankan tugas-tugasnya sebagai Yang Dipertua Dewan Negara.⁶⁸

Seseorang ahli yang dipilih menjadi Yang Dipertua Dewan Negara adalah hilang kelayakan dari memegang jawatan itu jika tiga bulan selepas dipilih memegang jawatan itu atau pada bila-bila masa selepas itu ia adalah atau menjadi ahli mana-mana lembaga pengarah atau lembaga pengurusan, atau seorang pegawai atau pekerja, atau melibatkan diri dalam hal-ehwal atau urusan, sesuatu pertubuhan atau badan, samada diperbadankan atau sebaliknya, atau sesuatu pengusahaan perdagangan, perindustrian atau lain-lain pengusahaan, samada ia menerima atau mendapat atau tidak apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya. Dengan syarat bahawa hilang kelayakan itu tidak boleh dipakai jika pertubuhan atau badan itu menjalankan apa-apa kerja kebajikan atau sukarela atau tujuan yang berfaedah kepada masyarakat atau mana-mana bahagiannya, atau apa-apa kerja atau tujuan lain berupa khairat atau sosial, dan ahli itu tidak menerima atau mendapat

apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah.⁶⁹ Sekiranya timbul permasalahan atau pertelingkahan tentang hilang kelayakan Yang Dipertua Dewan, persidangan Dewan Negara hendaklah membuat keputusan tentang perkara tersebut. Segala keputusan yang dipersetujui oleh Dewan Negara adalah muktamad, tidak boleh dipertikaikan oleh sesiapa pun.⁷⁰

Dewan Negara juga mempunyai seorang setiausaha yang dipanggil Setiausaha Dewan Negara. Setiausaha tersebut hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dari kalangan anggota perkhidmatan awam am Persekutuan. Setiausaha Dewan Negara boleh memegang jawatan tersebut sehingga beliau mencapai umur lima puluh lima tahun. Beliau boleh juga meletakkan jawatannya atau ditukarkan kepada suatu jawatan lain dalam perkhidmatan awam am.⁷¹

Dewan negara merupakan sebuah institusi yang agak terbuka di mana ia menerima kemasukan orang awam tanpa melalui apa-apa proses pilihanraya. Tugas utama ahli Dewan negara adalah sebagai penyemak kali kedua yang berpeluang membuat pertimbangan dengan lebih teliti dan lebih matang lagi terhadap sesuatu rang undang-undang. Anggotanya berhak memperbaiki dan menyempurnakan undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Persidangan Dewan Negara biasanya diketuai oleh Yang Dipertua Dewan Negara.

6.4 Keanggotaan Dalam Dewan Rakyat

Dewan Rakyat merupakan Majlis yang paling penting dalam Parlimen Malaysia kerana ahli-ahlinya adalah dipilih oleh orang ramai dalam pilihanraya langsung untuk mewakili rakyat di parlimen. Sejak dahulu hingga sekarang bilangan anggota Parliment sentiasa berubah-ubah dan ianya semakin bertambah selaras dengan pertambahan jumlah penduduk di negara ini. Mengikut Perlembagaan Malaysia yang terkini⁷² jumlah bilangan ahli Dewan Rakyat yang ada ialah seramai seratus sembilan puluh empat orang yang dipilih melalui pilihanraya. Mengikut bilangan di negeri-negeri dan Wilayah Persekutuan, kedudukan dan jumlah keanggotaan mereka adalah seperti berikut; dari negeri Johor wakilnya ialah seramai dua puluh orang, dari Kedah lima belas orang, dari Kelantan empat belas orang, dari Melaka lima orang, dari Negeri Sembilan tujuh orang, dari Pahang sebelas orang, dari Pulau Pinang sebelas orang, dari Perak dua puluh tiga orang, dari Perlis tiga orang, dari Sabah dua puluh orang, dari Sarawak dua puluh lapan orang, dari Selangor tujuh belas orang, dari Terengganu lapan orang, dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sepuluh orang dan dari Wilayah Persekutuan Labuan dan Putrajaya masing-masing satu orang.⁷³ Semua anggota Dewan Rakyat yang dipilih itu mempunyai peranan yang sangat besar dan mestilah cukup kelayakannya untuk menjadi anggota Parliment Malaysia.⁷⁴

Semua ahli-ahli Dewan Rakyat yang ada itu adalah dipilih oleh rakyat melalui Pilihanraya Persekutuan. Seluruh rakyat Malaysia yang cukup syarat-syaratnya dibenarkan mengundi di dalam pilihanraya untuk memilih Wakil mereka yang akan menjadi anggota Dewan Rakyat. Syarat-syarat yang mesti ada pada

seseorang pemilih ialah, beliau mestilah warganegara Malaysia yang mencapai umur dua puluh satu tahun ke atas. Pemilih juga hendaklah seorang yang dikira bermastautin dalam kawasan pilihanraya berkenaan pada masa itu.⁷⁵ Pemilih dikira hilang kelayakan untuk memilih atau mengundi sekiranya pada masa itu beliau ditahan atau disahkan sebagai seorang yang tidak sempurna akal. Begitu juga sekiranya beliau adalah seorang yang sedang menjalani hukuman penjara.⁷⁶ Beliau tidak dibenarkan sama sekali membuang undi untuk memilih ahli Dewan Rakyat lebih dari satu kawasan pilihanraya dalam masa dan pilihanraya yang sama.⁷⁷ Setiap orang ahli Dewan Rakyat dianggap sebagai wakil bagi satu kawasan pilihanraya di dalam Persekutuan. Oleh itu jumlah bilangan kawasan pilihanraya di dalam Persekutuan hendaklah sama dengan bilangan kerusi yang diperuntukkan di Dewan Rakyat.⁷⁸ Penentuan sempadan kawasan untuk kawasan pilihanraya adalah dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya berdasarkan beberapa kajian yang mesti dibuat oleh Suruhanjaya tersebut.⁷⁹

Semua ahli-ahli Dewan Rakyat sebelum mengambil tempatnya di Dewan Rakyat hendaklah mengangkat dan menandatangani sumpah taat setia kepada Malaysia dan perlembagaannya dihadapan orang yang mengetuai Dewan tersebut. Orang yang mengetuai Dewan tersebut biasanya Yang Dipertua Dewan Rakyat yang telah dilantik sebelumnya.⁸⁰ Sebab itu sebelum bersumpah ahli Dewan Rakyat dibenarkan melantik Yang Dipertua Dewan Rakyat terlebih dahulu.⁸¹ Status keanggotaan ahli Dewan Rakyat yang lama akan terus kekal, terus berjalan selama lima tahun dari tarikh mesyuarat pertamanya. Ia akan terbubar apabila melebihi tempoh lima tahun.⁸² Namun demikian Yang di-Pertuan Agong boleh membubarkan Parlimen sebelum cukup tempoh lima tahun. Pemilihan dibuat apabila Yang di-

Pertuan Agong membubarkan Parlimen. Membubarkan Parlimen bukan bermakna membubarkan keseluruhan Parlimen, tetapi yang dibubar ialah keanggotaan Dewan Rakyat. Seterusnya pembubaran tersebut didikuti dengan suatu pilihanraya baru bagi memilih anggota- anggota yang baru. Pilihanraya umum hendaklah diadakan dalam masa enam puluh hari dari tarikh pembubaran parlimen.⁸³

Sekiranya mana-mana ahli Dewan Rakyat ingin berhenti atau meletakkan jawatannya beliau boleh berbuat demikian dengan mengutuskan surat yang ditandatanganinya sendiri kepada Yang Dipertua Dewan Rakyat.⁸⁴ Jika seseorang anggota Dewan Rakyat bertindak meletak jawatannya dari menjadi anggota Dewan tersebut beliau dikira hilang kelayakannya untuk menjadi anggota Dewan Rakyat selama lima tahun. Tempoh hilang kelayakan selama lima tahun itu dikira bermula dari tarikh peletakan keahliannya itu berkuatkuasa.⁸⁵

Ketua yang mengendalikan perbincangan di Dewan Rakyat ialah Yang Dipertua Dewan Rakyat. Sekiranya Yang Dipertua tidak dapat menjalankan tugas, tanggung jawab beliau diambil alih oleh Timbalan Yang Dipertua. Kedua-dua mereka lah yang diberi kuasa bagi menentukan perjalanan Dewan tersebut terlaksana dengan lancar. Jawatan Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua adalah ditentukan oleh ahli-ahli Dewan Rakyat melalui pemilihan yang dibuat. Mereka boleh memilih Yang Dipertua Dewan dari kalangan salah seorang ahli Dewan tersebut atau seseorang individu lain yang mempunyai kelayakan untuk menjadi ahli Dewan Rakyat.⁸⁶ Mereka juga dikehendaki memilih dua orang Timbalan Yang Dipertua dari kalangan anggota Dewan Rakyat. Dewan tidak boleh menjalankan urusan lain semasa jawatan Yang Dipertua kosong kecuali urusan memilih Yang diPertua.⁸⁷

Seseorang yang bukan ahli Dewan Rakyat dilantik sebagai Yang Dipertua Dewan Rakyat, perlantikan tersebut dengan sendirinya menjadikan beliau sebagai ahli Dewan Rakyat yang baru sebagai tambahan kepada ahli-ahli yang telah dipilih melalui pilihanraya.⁸⁸ Oleh itu kerana beliau merupakan seorang ahli Dewan yang baru, sebelum menjalankan kewajipan-kewajipan jawatannya itu beliau dikehendaki terlebih dahulu mengangkat dan menandatangani suatu sumpah jawatan dan taat setia sebagai ahli parlimen.⁸⁹ Jika yang dipilih menjadi Yang Dipertua Dewan Rakyat itu adalah seorang ahli Dewan Negeri, beliau hendaklah terlebih dahulu berhenti daripada Dewan Negeri itu sebelum menjalankan tugas sebagai Yang Dipertua.⁹⁰ Saraan bagi Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat hendaklah ditentukan oleh parlimen menerusi undang-undang. Saraan yang diperuntukkan itu hendaklah di pertanggungkan kepada Kumpulan Wang Disatukan.⁹¹

Dalam masa berlaku kekosongan jawatan Yang Dipertua atau beliau tidak dapat datang untuk mengetuai majlis perbincangan di Dewan Rakyat, tugas tersebut hendaklah diambil alih oleh salah seorang Timbalan Yang Dipertua Dewan yang ada. Jika jawatan Timbalan Yang Dipertua juga berlaku kekosongan atau kedu-dua Timbalan Yang Dipertua tidak hadir dalam persidangan, maka seseorang ahli lain sebagaimana ditetapkan oleh kaedah-kaedah acara Dewan Rakyat bolehlah menjalankan tugas sebagai Yang Dipertua.⁹² Seseorang Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua pada bila-bila masa sahaja boleh meletakkan jawatannya. Cara untuk meletakkan jawatan ialah dengan mengutus surat yang ditandatangani olehnya kepada Setiausaha Dewan Rakyat dan selepas itu beliau hendaklah mengosongkan jawatannya.⁹³

Yang Dipertua Dewan Rakyat dikehendaki berhenti dari menjadi Yang Dipertua apabila Dewan Rakyat membuat ketetapan beliau hendaklah diberhentikan.⁹⁴ Begitu juga apabila beliau berhenti dari menjadi ahli Dewan atau hilang kelayakan sebagai ahli Dewan Rakyat atau hilang kelayakan sebagai Yang Dipertua Dewan Rakyat. Begitu juga tugas beliau akan terhenti apabila Dewan Rakyat bermesyuarat bagi kali pertama selepas pilihanraya umum, tetapi beliau tidak terhenti dengan sebab Dewan Rakyat dibubarkan.⁹⁵ Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat pula dikehendaki mengosongkan jawatannya apabila beliau berhenti dari menjadi ahli Dewan Rakyat. Begitu juga jika Dewan memutuskan beliau hendaklah diberhentikan.⁹⁶

Seseorang ahli yang dipilih menjadi Yang Dipertua Dewan Rakyat adalah hilang kelayakan dari memegang jawatan itu jika tiga bulan selepas dipilih memegang jawatan itu atau pada bila-bila masa selepas itu ia adalah atau menjadi ahli mana-mana lembaga pengarah atau lembaga pengurusan, atau seorang pegawai atau pekerja, atau melibatkan diri dalam hal-hal atau urusan, sesuatu pertubuhan atau badan, samada diperbadankan atau sebaliknya, atau sesuatu pengusahaan perdagangan, perindustrian atau lain-lain pengusahaan, samada ia menerima atau mendapat atau tidak apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya. Sebaliknya hilang kelayakan itu tidak boleh dikuatka jika pertubuhan atau badan beliau terlibat itu menjalankan kerja-kerja kebajikan atau sukarela dengan tujuan memberi berfaedah kepada masyarakat atau mana-mana bahagiannya. Begitu juga

apa-apa kerja lain atau tujuan lain yang berupa khairat atau sosial, dan ahli itu tidak menerima atau mendapat apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah.⁹⁷ Sekiranya timbul permasalahan atau pertelingkahan tentang hilang kelayakan Yang Dipertua Dewan, persidangan Dewan Rakyat hendaklah membuat keputusan tentang perkara tersebut. Segala keputusan yang dipersetujui oleh Dewan Rakyat adalah muktamad, tidak boleh dipertikaikan.⁹⁸

Selain itu Dewan Rakyat juga mempunyai seorang setiausaha.⁹⁹ Setiausaha Dewan Rakyat biasanya dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dari kalangan anggota perkhidmatan awam am Persekutuan. Beliau boleh memegang jawatannya sehingga umurnya mencapai lima puluh lima tahun, kecuali sekiranya beliau ditukarkan kepada jabatan lain atau beliau terlebih dahulu meletakkan jawatan.¹⁰⁰

6.5 Kelayakan Anggota Parlimen Malaysia

Keanggotaan dalam parlimen adalah terbuka kepada sesiapa sahaja yang mempunyai kelayakan. Tiada apa-apa perbezaan ketara dari segi kelayakan di antara individu-individu yang menganggotai Dewan Negara dan Dewan Rakyat melainkan dari segi umur sahaja. Kelayakan-kelayakan yang diperlukan ialah:¹⁰¹

- i. Warganegara yang bermastautin di dalam Persekutuan.
- ii. Berumur tidak kurang dari 30 tahun bagi ahli Dewan Negara dan tidak kurang dari 21 tahun bagi ahli Dewan Rakyat.
- iii. Tidak hilang apa-apa kelayakan menjadi ahli parlimen menurut perkara 48 Perlembagaan Persekutuan.

6.5.1 Warganegara Persekutuan

Terdapat beberapa cara kewarganegaraan Malaysia boleh diperolehi oleh seseorang individu. Secara umum ia diperolehi dengan cara:¹⁰²

- i. Kuatkuasa undang-undang
- ii. Pendaftaran
- iii. Naturalisasi
- iv. Penggabungan wilayah.

Kewarganegaraan melalui kuatkuasa undang-undang adalah kewarganegaraan yang diperolehi dengan cara automatik.¹⁰³ Orang-orang yang

menjadi warganegara dengan cara kuatkuasa undang-undang ini terbahagi kepada dua jenis:¹⁰⁴

- a. Orang yang lahir sebelum Hari Malaysia (16 September 1963) mengikut peruntukan yang terkandung dalam bahagian 1, Jadual Kedua, Perlembagaan Persekutuan.
- b. Orang-orang yang lahir pada atau selepas hari Malaysia yang mempunyai kelayakan yang ditentukan dalam Bahagian Kedua, Jadual Kedua, Perlembagaan Persekutuan.

Kewargaan secara pendaftaran pula adalah kewarganegaraan yang diperolehi dengan cara mendaftar.¹⁰⁵ Hanya orang-orang berikut sahaja yang boleh menjadi warganegara dengan cara mendaftar:

- i. Isteri dan anak warganegara.
- ii. Mana-mana orang yang berumur 21 tahun, dan salah seorang daripada ibu atau bapanya (atau pada masa kematiannya) ialah seorang warganegara.¹⁰⁶
- iii. Orang-orang yang dilahirkan di Persekutuan sebelum hari merdeka.¹⁰⁷
- iv. Orang-orang yang bermastautin di mana-mana negeri Sabah dan Sarawak.¹⁰⁸

Manakala kewarganegaraan yang diperolehi dengan cara naturalisasi adalah kewarganegaraan yang diperolehi dengan cara masukan yang dibuat oleh individu berumur 21 tahun atau lebih. Satu perakuan masukan boleh diberi oleh Perlembagaan Persekutuan jika kerajaan berpuas hati:

- i. Ia telah bermastautin dalam tempoh tidak kurang daripada 10 tahun dalam masa 12 tahun sebelum sahaja dari tarikh permohonan kemasukan termasuk dalam tempoh dua belas bulan sebelum sahaja tarikh permohonan tersebut.
- ii. Berniat hendak bermastautin secara kekal dalam Persekutuan.
- iii. Ia berkelakuan baik
- iv. Bahawa ia mempunyai pengetahuan yang memadai di dalam bahasa Melayu.

Cara terakhir bagi perolehan kewarganegaraan adalah melalui cara penggabungan wilayah. Sekiranya terdapat suatu wilayah baru dimasukkan ke dalam Persekutuan selepas hari Malaysia, maka Parlimen boleh dengan undang-undang menentukan siapakah orang-orang yang akan menjadi warganegara dengan sebab perhubungan mereka dengan wilayah itu dan tarikh atau tarikh-tarikh mereka itu akan menjadi warganegara.¹⁰⁹ Walaubagaimanapun kuasa dibawah peruntukan ini masih belum digunakan oleh Parlimen kerana hingga ke saat ini tidak ada lagi mana-mana negeri yang masuk bersekutu dengan Malaysia selepas daripada Hari Malaysia.¹¹⁰

6.5.2 Bermastautin di Persekutuan

Seseorang yang merupakan warganegara pula disyaratkan untuk bermastautin di Persekutuan bagi membolehkan dia layak menjadi ahli bagi mananya majlis Parlimen. Walaubagaimanapun menurut sebahagian pengkaji undang-undang Perlembagaan Malaysia, maksud dan tafsiran bagi bermastautin tidak dinyatakan dengan terperinci di dalam Perlembagaan berbanding dengan kelayakan lain seperti warganegara, umur dan hilang kelayakan menurut Perlembagaan atau

menurut mana-mana undang-undang yang dibuat di dalam perkara 48. Ini kerana ia tidak menyatakan apakah bentuk, cara dan tempoh yang dimaksudkan bagi memenuhi maksud bermastautin di sini. Apa yang dapat difahami daripada penetapan syarat ini adalah seseorang yang hendak dilantik menjadi anggota mana-mana majlis Parlimen hendaklah menetap di Persekutuan.

Kesemua warganegara yang tinggal di luar Persekutuan tidak layak untuk menjadi ahli mana-mana majlis Parlimen. Ini kerana ahli Parlimen di anggap mewakili kepentingan kawasan penduduk yang mereka manangi di dalam pilihanraya. Mereka ini berperanan dalam meninjau dan mengambil berat keadaan dan permasalahan penduduk setempat yang memberi kepercayaan kepada mereka. Segala permasalahan dan kepentingan penduduk ini akan diberi perhatian dan akan dibawa keforum perbincangan awam di Parlimen bagi mencari penyelesaian. Ahli-ahli parlimen juga bertanggungjawab di dalam menerangkan dasar-dasar kerajaan dan pelbagai undang-undang yang digubal di Parlimen supaya para penduduk di kawasan yang diwakilinya sentiasa peka dengan pelbagai persoalan yang berlaku di Parlimen terutamanya yang menyentuh hak-hak dan kepentingan mereka sebagai rakyat. Tugas-tugas seperti ini tidak dapat dijalankan dengan sempurna melainkan oleh seseorang warganegara yang bermastautin di Persekutuan.

Islam mengakui akan kepentingan seseorang individu yang hendak dipilih atau dilantik menjadi anggota badan perundangan hendaklah merupakan seorang warganegara yang bermastautin. Ini kerana seseorang warganegara yang tinggal di luar negara kerana sebab-sebab yang tertentu tidak sesuai dilantik sebagai pemimpin. Walaupun dia masih boleh mengekalkan kewarganegaraannya,

namun kedudukannya di luar negara tidak memungkinkannya mengikuti pelbagai peristiwa dan perkembangan yang berlaku di dalam negara dan seterusnya bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan bagi menyelesaikan permasalahan yang wujud. Keadaan yang sebegini tentu menyukarkan pelaksanaan tugasnya sebagai pemimpin.

6.6 Hilang Kelayakan Aggota Parlimen

Terdapat banyak perkara yang boleh menyebabkan seseorang itu hilang kelayakan sebagai anggota Parlimen. Persoalan ini juga terkandung di dalam perkara 48 Perlembagaan Persekutuan. Di antaranya ialah:

6.6.1 Tidak Sempurna Akal

Seseorang tidak layak menjadi anggota mana-mana Majlis Parlimen samada sebagai ahli Dewan Negara atau ahli Dewan Rakyat sekiranya beliau adalah seorang yang gila, tidak siuman atau tidak sempurna akal.¹¹¹

Seseorang yang tidak sempurna akal sudah pasti tidak mampu untuk menguruskan diri dan mengawal emosi serta geraklakunya. Oleh itu adalah sesuatu yang munasabah jika seseorang yang diisyiharkan sebagai tidak sempurna akal dikira hilang kelayakan menjadi ahli bagi mana-mana majlis Parlimen. Ini kerana ahli Parlimen melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang berat. Kesempurnaan menjalankan tugas mereka hanya mampu dicapai apabila mereka benar-benar berkeupayaan dari segi mental, emosi dan fizikal. Syarat tersebut amat bersesuaian dengan dengan konsep Islam yang menganggap seseorang yang tidak sempurna akalnya tidak harus diserahkan kepadaanya apa-apa tugas dan tanggungjawab.

6.6.2 Bankrap Yang Tidak Dilepaskan

Begitu juga sekiranya seseorang itu diisyiharkan bangkrap oleh mahkamah mengikut undang-undang dan belum lagi dapat membebaskan diri dari kebangkrapannya.¹¹² Orang yang diisyiharkan bangkrap dengan tidak mendapat pelepasan di mahkamah boleh dianggap memberikan satu imej yang negatif dan buruk berkaitan dengan pengurusan harta dan urusan kewangannya. Pengisyiharan ini menunjukkan seseorang individu gagal menguruskan harta dan urusan kewangannya dengan baik. Bagaimana orang yang gagal menguruskan aspek yang sebegini penting di peringkat pribadi layak untuk diberikan tanggungjawab bagi membahaskan hal ehwal kewangan negara yang jauh lebih besar dan tinggi risikonya. Ini kerana kegagalan menghasilkan satu dasar dan keputusan yang tepat di Parlimen bermakna akan menghasilkan natijah negatif yang memberi kerugian kepada keseluruhan anggota masyarakat.

6.6.3 Memegang Jawatan Berpendapatan

Seseorang yang memegang jawatan berpendapatan atau bergaji sepenuh masa dalam mana-mana perkhidmatan awam juga tidak layak menjadi anggota parlimen.¹¹³ Ini termasuk juga jawatan seorang hakim di Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi. Begitu juga jika beliau memegang jawatan-jawatan lain seperti Juru Odit Negara, ahli suruhanjaya pilihanraya, ahli suruhanjaya Perkhidmatan Persekutuan atau negeri dan mana-mana jawatan yang ditetapkan oleh undang-undang Persekutuan sebagai jawatan yang

bergaji atau berfaedah. Tujuan utama peraturan ini ditetapkan ialah bagi memisahkan golongan yang bekerja dengan golongan politik. Kedua-dua golongan itu mempunyai kelainan dari segi tugasnya, golongan yang memegang jawatan memberikan taat setia kepada pihak pemerintah sebaliknya ahli politik (anggota parlimen) menjaga kepentingan rakyat yang menjadi tanggung jawabnya.¹¹⁴ Prinsip ini kekal dalam Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa orang yang memegang jawatan yang bergaji iaitu pekerja sepenuh masa dalam kerajaan, seperti hakim, pegawai tentera dan sebagainya tidak layak menjadi anggota parlimen. Dia perlu meletakkan jawatan dahulu jika dia ingin menjadi anggota parlimen.¹¹⁵

6.6.4 Tidak Menghantar Penyata Berkenaan Belanja Pilihanraya

Orang yang tidak menghantar penyata perbelanjaan pilihanraya juga tidak layak menjadi anggota Parlimen. Kesalahan ini boleh berlaku sekiranya seseorang yang telah dilantik sebagai calon dalam pilihanraya samada di peringkat Parlimen atau Dewan Undangan Negeri, atau seseorang yang menjadi wakil calon kepada seseorang lain yang dilantik sedemikian, kemudian beliau tidak menghantar kenyataan belanja pilihanraya sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang mengikut cara dan dalam masa yang telah ditetapkan adalah dianggap bersalah dan beliau dikira hilang kelayakan untuk dilantik sebagai anggota Parlimen.¹¹⁶ Namun demikian kehilangan kelayakan sebagaimana di atas boleh dibatalkan oleh Yang di-Pertuan Agong dengan memberi keampunan kepada orang-orang yang bersalah itu. Sekiranya individu tersebut tidak mendapat keampunan dari Yang di-Pertuan Agong maka kelayakannya sebagai anggota Parlimen dianggap hilang. Tempoh hilang

kelayakan tersebut adalah selama lima tahun. Tempoh lima tahun itu dikira bermula dari tarikh beliau diarahkan supaya menghantar penyata perbelanjaan pilihanraya seperti mana dikehendaki oleh undang-undang.¹¹⁷

6.6.5 Disabitkan Kesalahan Di Mahkamah

Beginu juga orang yang telah disabitkan melakukan sesuatu kesalahan jenayah oleh mana-mana mahkamah di Persekutuan dan dijatuhkan hukuman penjara tidak kurang dari satu tahun lamanya atau dikenakan denda tidak kurang dari dua ribu ringgit dan beliau tidak mendapat ampun juga tidak layak dilantik sebagai anggota Parlimen.¹¹⁸ Hukuman penjara dan denda yang dijadikan perkiraan itu hendaklah suatu keputusan yang telah dibuat oleh sebuah mahkamah undang-undang dalam Persekutuan Tanah Melayu¹¹⁹ Hilang kelayakan sebagaimana di atas juga boleh dibatalkan oleh Yang di-Pertuan Agong dengan memberi keampunan kepada orang-orang yang bersalah itu. Jika mendapat keampunan dari Yang di-Pertuan Agong, orang yang bersalah itu masih layak untuk menganggotai Parlimen. Sebaliknya jika orang tersebut tidak mendapat keampunan dari Yang di-Pertuan Agong,¹²⁰ maka dia dianggap tidak layak menganggotai Parlimen. Tempoh hilang-kelayakan tersebut ialah selama lima tahun, dan ia hendaklah dikira mulai dari tarikh beliau dibebaskan dari hukuman penjara atau dari tarikh beliau dikenakan denda.¹²¹

6.6.6 Disabitkan Dengan Kesalahan Pilihanraya

Sesiapa yang disahkan melakukan kesalahan jenayah mengenai pilihanraya juga akan kehilangan kelayakan untuk menjadi anggota mana-mana Majlis Parlimen. Pensabitan kes tersebut hendaklah dibuat melalui perbicaraan mahkamah. Kesalahan yang dilakukan itu tidak kira samada kesalahan yang berkaitan dengan pilihanraya bagi mana-mana Majlis Parlimen atau bagi Dewan Undangan Negeri. Tempoh hilang kelayakan tersebut adalah ditentukan oleh undang-undang Persekutuan yang digubal. Ini bererti orang tersebut tidak boleh menjadi ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat dalam tempoh yang dihadkan oleh undang-undang tersebut.¹²²

Bagi seseorang yang sedang menjadi anggota mana-mana Majlis Parlimen, sekiranya beliau melakukan sesuatu kesalahan yang dijatuhkan hukuman penjara satu tahun lebih, atau dikenakan bayaran denda melebihi dua ribu ringgit atau dianggap hilang kelayakan mengikut mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan pilihanraya, beliau tidaklah dianggap hilang kelayakan dengan serta merta pada masa hukuman tersebut dijatuhkan. Bahkan hilang kelayakan bagi dirinya itu adalah berkuatkuasa selepas empat belas hari dari tarikh beliau dijatuhkan hukuman tersebut.¹²³ Dalam tempoh empat belas hari selepas beliau dijatuhkan hukuman tersebut di atas beliau masih berpeluang untuk membuat rayuan. Begitu juga apa-apa prosiding mahkamah yang lain berkenaan dengan sabitan hukuman tersebut boleh dibawa. Pada masa itu beliau juga boleh membuat suatu petisyen untuk mendapatkan keampunan. Anggota Parlimen itu boleh meneruskan tugasnya jika kesalahan beliau diampunkan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Sekiranya tidak mendapat keampunan dari Yang di-Pertuan Agong, hilang kelayakan ke atas dirinya itu berkuatkuasa selepas tamatnya tempoh empat belas hari.¹²⁴

Sekiranya rayuan tersebut atau apa-apa prosiding mahkamah lain yang dibawa itu juga ditolak oleh mahkamah, maka hilanglah kelayakan untuk menjadi anggota Parlimen. Dalam kes ini hilang kelayakannya hendaklah berkuatkuasa setelah habisnya tempoh empat belas hari dari tarikh rayuan atau prosiding mahkamah itu ditolak oleh mahkamah.¹²⁵ Tempoh empat belas hari sebagaimana yang dijelaskan di atas hanya diberikan kepada mana-mana anggota Parlimen yang sedang menjadi ahli mana-mana Majlis Parlimen sahaja. Sebaliknya peruntukan tersebut di atas adalah tidak terpakai kepada kepada calon-calon yang akan bertanding dalam pilihanraya parlimen atau seseorang yang dinamakan atau baru dicadangkan untuk dilantik menjadi anggota Parlimen.¹²⁶

6.6.7 Memperolehi Kewarganegaraan Asing

Begitu juga orang yang dengan sukarelanya telah memperolehi sendiri kewarganegaraan negara luar atau dengan sengaja menggunakan faedah kewargaan negara tersebut atau telah membuat pengakuan taat setia kepada mana-mana negeri diluar Persekutuan akan hilang kelayakan sebagai anggota parlimen.¹²⁷ Jika perkara itu berlaku sebelum individu tersebut menjadi warganegara Malaysia (pernah berlaku dahulu), kelayakannya sebagai anggota Parlimen (pada masa sekarang) tidak akan hilang.¹²⁸

6.6.8 Menjadi Ahli Kepada Dua Majlis Parlimen

Seseorang individu juga tidak dibenarkan menjadi ahli Dewan Negara dan ahli Dewan Rakyat dalam satu masa. Beliau juga tidak boleh menjadi wakil Rakyat untuk dua kawasan pilihanraya parlimen. Bagi ahli Dewan Negara seseorang itu tidak boleh menjadi ahli yang dipilih dan ahli yang dilantik dalam satu masa untuk majlis tersebut.¹²⁹ Tetapi harus bagi seseorang anggota Parlimen dalam masa yang sama menjadi ahli Dewan Undangan Negeri bagi mewakili mana-mana kawasan pilihanraya negeri. Ini bermakna sebagai ahli Dewan Rakyat individu tersebut boleh juga memegang jawatan sebagai anggota Dewan Undangan Negeri. Buktinya ialah dalam Pilihanraya Umum pada 29 haribulan November 1999 seorang calon yang bernama Mustafa @ Hassan bin Ali telah dipilih sebagai anggota parlimen setelah memenangi pilihanraya bagi kerusi parlimen kawasan Kemaman (P.40). Dalam pilihanraya yang sama juga beliau telah memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Pengkalan Berangan (N.20).¹³⁰ Selepas itu beliau telah menjadi anggota parlimen dan anggota Dewan Undangan Negeri secara secara sah sehingga sekarang (tahun 2002).

6.6.9 Tidak menghadiri Persidangan

Tentang kehadiran dalam persidangan, sekiranya seseorang anggota parlimen itu tidak hadir pada persidangan Majlis Parlimen selama tempoh enam bulan berturut-turut tanpa kebenaran Majlis tersebut maka Majlis tersebut bolehlah mengisyiharkan bahawa kerusinya telah berlaku kekosongan.¹³¹ Sebaliknya jika

seseorang anggota parlimen yang telah mendapat kebenaran untuk tidak hadir dalam Majlis yang sepatutnya beliau terlibat, selama tempoh kebenaran itu, beliau tidak boleh menyertai dengan apa jua cara berhubung dengan hal ehwal dan urusan Majlis tersebut.¹³² Sekiranya timbul masalah untuk menentukan status keahlian seseorang samada keahliannya digugurkan atau tidak, maka persoalan ini hendaklah diputuskan oleh Majlis Parlimen dan keputusan yang dibuat oleh mereka adalah muktamad.¹³³

Sekiranya seseorang anggota Parlimen telah hilang kelayakannya untuk menjadi ahli, maka kerusinya dikira kosong.¹³⁴ Sekiranya seseorang yang hilang kelayakannya menjadi ahli Dewan Rakyat atau tidak layak menjadi ahli Dewan Negara masih dipilih atau dilantik memegang jawatan tersebut maka pilihan atau pelantikan tersebut dikira terbatal.¹³⁵ Begitu juga seseorang itu tidak boleh dipilih atau dilantik secara sah untuk menjadi anggota parlimen kecuali beliau sendiri mengesahkan yang beliau bersetuju dan menerima pelantikan tersebut.¹³⁶

6.7 Perjalanan Majlis Parlimen

Mengikut Perlembagaan Persekutuan Yang di-Pertuan Agong hendaklah memanggil anggota parlimen untuk mengadakan mesyuarat dari masa ke semasa. Parlimen tidak boleh dibiarkan tanpa mesyuarat selama enam bulan atau lebih dari enam bulan.¹³⁷ Ini adalah selaras dengan matlamat penubuhan parlimen itu sendiri sebagai tempat untuk membincangkan keperluan rakyat dan perbincangannya hendaklah diadakan seberapa kerap yang boleh. Kuasa untuk

memberhentikan atau membubarkan parlimen adalah dipegang oleh Yang di-Pertuan Agong.¹³⁸ Baginda boleh berbuat demikian dengan nasihat Jemaah Menteri . Apabila Baginda membubarkan parlimen, parlimen tersebut dianggap telah tamat tempohnya dan satu pilihanraya umum akan diadakan selepas itu.¹³⁹

Tempoh yang paling lama untuk sesebuah parlimen itu berfungsi ialah selama lima tahun. Lima tahun tersebut adalah dikira bermula dari tarikh mesyuaratnya yang pertama. Selepas tempoh lima tahun parlimen dianggap terbubar dengan sendiri.¹⁴⁰ Walau pun demikian Yang di-Pertuan Agong boleh membubarkan parlimen lebih awal dari tempoh tersebut. Setelah parlimen dibubarkan suatu pilihanraya baru hendaklah diadakan dalam masa enam puluh hari dari tarikh pembubarannya. Apabila selesai pilihanraya, parlimen yang baru dilantik hendaklah dipanggil untuk bermesyuarat pada suatu masa yang tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari dari tarikh pembubarannya.¹⁴¹ Sekiranya semasa pemberhentian atau pembubarannya parlimen itu terdapat Rang undang-undang yang sedang dibahaskan¹⁴² atau terdapat Rang undang-undang yang berada dalam proses kelulusan Yang di-Pertuan Agong,¹⁴³ undang-undang tersebut tidaklah terlupakan atas sebab-sebab pemberhentian dan pembubarannya.¹⁴⁴

Tiap-tiap satu Majlis Parliment samada Dewan Negara atau Dewan Rakyat boleh menguruskan perjalanan dan membuat peraturannya sendiri. Peraturan tersebut tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan dan undang-undang Persekutuan.¹⁴⁵ Begitu juga tentang saraan atau gaji untuk anggotanya, parlimen hendaklah membuat undang-undang khas bagi menyediakan peruntukan saraan tersebut kepada semua ahli-ahli Majlis Parliment.¹⁴⁶ Urusan Majlis Parliment boleh

dijalankan seperti biasa walau pun berlaku sedikit kekosongan dalam keanggotaannya. Kehadiran orang-orang yang tidak berhak menghadiri Majlis Parlimen tidaklah membatalkan apa-apa perjalanan parlimen tersebut.¹⁴⁷ Bagi membuat keputusan terhadap sesuatu perkara, sekiranya tidak mendapat keputusan sebulat suara Dewan Negara dan Dewan Rakyat hendaklah membuat keputusan berdasarkan undian. Keputusan yang dibuat dengan undi yang terbanyak hendaklah diterima pakai. Ahli-ahli yang tidak hadir dalam Majlis Parlimen tidak dibenarkan mengundi.¹⁴⁸

Segala perjalanan yang berlaku di dalam Majlis parlimen dan jawatankuasanya dianggap sah dan tidak boleh dipersoal atau didakwa di dalam mana-mana mahkamah.¹⁴⁹ Anggota Parlimen diberi kebebasan untuk bercakap dan membuat perbahasan didalam Dewan. Kesemua anggota parlimen tidak boleh didakwa dalam mana-mana mahkamah tentang apa-apa yang mereka perkatakan. Mereka juga bebas untuk mengundi mereka mengambil bahagian dalam mana-mana Majlis parlimen atau jawatankuasanya.¹⁵⁰ Begitu juga apa-apa dakwaan tidak boleh dibuat ke atas seseorang anggota Parlimen yang membuat siaran tentang sesuatu perkara dengan kuasa yang diberikan oleh mana-mana Majlis Parlimen.¹⁵¹ Anggota parlimen juga tidak boleh didakwa kerana membincangkan persoalan yang berkaitan dengan Yang di-Pertuan Agong atau raja-raja lain semasa di parlimen. Namun demikian mereka boleh didakwa di mahkamah sekiranya mereka menganjurkan penghapusan kedudukan berpelembagaan Yang di-Pertuan Agong sebagai Kepala Utama Negara bagi Persekutuan atau kedudukan berpelembagaan Raja sesuatu Negeri.¹⁵² Ini bererti seseorang itu dianggap bersalah sekiranya beliau mencadangkan atau menganjurkan penghapusan sistem “*Raja Berpelembagaan*” yang diamalkan di Malaysia hari ini.

NOTA HUJUNG

¹ Parlimen ialah Badan Perundangan Persekutuan yang berfungsi untuk menggubal undang-undang di peringkat Persekutuan sahaja. Oleh kerana Negara Malaysia mengamalkan sistem pemerintahan yang dibahagikan kepada peringkat Persekutuan dan negeri-negeri, maka selain dari Parlimen sebagai Badan Perundangan Persekutuan terdapat pula Badan Perundangan di peringkat Negeri. Badan Perundangan Negeri di istilahkan sebagai Dewan Undangan Negeri. Terdapat tiga belas Dewan Undangan Negeri di seluruh Malaysia yang bertindak sebagai Badan Perundangan bagi setiap negeri berpandukan Perlembagaan yang terdapat di negeri masing-masing. Lihat Hashim Yeop A.Sani, *Bagaimana Undang-Undang Kita Diperbuat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, cet. ke 3, 1990, h. 13. Lihat juga, Abdul Aziz Zakaria, *An Introduction To The Machinery Of Government In Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, cet. pertama, 1974, h. 12.

² W.T. Mcleod (ed.), *Collins Gem English-Malay Dictionary*, London: William Collins Sons & Co. Ltd., 1982, h. 492; Pelanduk Publications, *Kamus Dwibahasa*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd., cet. kesembilan, 1977, h. 404.

³ Untuk memahami maksud perkataan “parliament” sila lihat Oxford University Press, *The new Oxford Encyclopedic Dictionary*, Sydney: Bay Books, 1987, h.1221.

⁴ R.R Donnelley & Sons Company, *Funk & Wagnalls New Encyclopedia*, U.S.A: R.R Donnelley & Sons Company, t.t., v. XX, h. 162.

⁵ Lloyd D.Musolf dan J.Frederik Springer, *Malaysia's Parliamentary System: Representative Politic And Policymaking In A Divided Society*, England: Wm. Dawson and Sons, Ltd., 1979, h. 45.

⁶ Gerhard Loewenberg (ed.), *The Role of Parliaments in Modern Political Systems*, Chicago: Aldine Atherton, inc., 1971, h. 1.

⁷ Anzagain Sdn. Bhd., *Ensiklopedia Malaysiana*, Kuala Lumpur: Anzagain Sdn. Bhd. J. 9, 1995, h. 408.

⁸ Lihat John Paxton, *World Legislatures*, Scotland: Thomson Litho Ltd., cet. pertama, 1974, h. 129.

⁹ Inter-Parliamentary Union, *Parliaments Of The World*, London: The Macmillan Press Ltd., cet. pertama, 1976, h. 12.

¹⁰ Article 44, Legal Research Board, *Federal Constitution*, Kuala Lumpur: International Law Book Services, 1997.

¹¹ Perkara 44, Lembaga Penyelidikan Undang-undang, *Perlembagaan Persekutuan*, Kuala Lumpur: International Law Book Services, 1999.

¹² Perkara 44, Perlembagaan Persekutuan.

¹³ Ibid.

¹⁴ Perkara 32, Perlembagaan Persekutuan.

¹⁵ Perkara 36, Perlembagaan Persekutuan.

¹⁶ Tun Mohamed Suffian, *Pengenalan Sistem Undang-Undang Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, cet. pertama, 1990, h. 25.

¹⁷ Raja-raja bagi tujuh buah negeri di Malaysia digelar Sultan. Negeri-negeri yang rajanya bergelar Sultan ialah Selangor, Perak, Kedah, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan. Bagi negeri Perlis rajanya disebut sebagai "Raja Perlis" dan bagi Negeri Sembilan pula dipanggil "Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan".

¹⁸ Majlis Raja-Raja dianggotai oleh Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dan Yang di-Pertua Negeri bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai raja. Mereka adalah, terdiri dari sembilan raja dan empat gabenor, tetapi hanya raja-raja sahaja yang hadir semasa memilih Yang di-Pertuan Agong. Majlis Raja-Raja mempunyai suatu Mohor Besar Raja-Raja. Mohor tersebut disimpan oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja yang dilantik oleh Majlis itu. Beliau adalah merupakan Setiausaha kepada Majlis Raja-Raja dan memegang jawatannya selama yang diperkenankan oleh Majlis tersebut. Yang di-Pertua Negeri bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai raja tidak boleh menjadi ahli dalam apa-apa mesyuarat yang berhubung dengan pemilihan atau pemecatan Yang di-pertuan Agong dan Timbalannya. Begitu juga dalam masalah yang berhubung dengan keistimewaan, kedudukan, kehormatan, dan kebebasan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja atau berhubung dengan perbuatan, amalan atau upacara agama. Lihat Jadual seksyen 7, Perlembagaan Persekutuan.

¹⁹ Perkara 38 (2) (a), Perlembagaan Persekutuan.

²⁰ Perkara 32 (3), Perlembagaan Persekutuan.

²¹ Perkara 32 (3) Perlembagaan Persekutuan.

²² Sesuatu ketetapan untuk memecat Yang di-Pertuan Agong tidak boleh diluluskan kecuali sekurang-kurangnya lima orang ahli Majlis Raja-Raja telah mengundi menyokongnya. Lihat Jadual Ketiga Bahagian 3, Perlembagaan Persekutuan.

-
- ²³ Perkara 32 (3) Perlembagaan Persekutuan.
- ²⁴ Perkara 33A (1), Perlembagaan Persekutuan.
- ²⁵ Seksyen 1 (1) (a), Jadual Ketiga Perlembagaan Persekutuan.
- ²⁶ Seksyen 1 (1) (b), Jadual Ketiga Perlembagaan Persekutuan.
- ²⁷ Seksyen 1 (1) (c), Jadual Ketiga Perlembagaan Persekutuan.
- ²⁸ Mahmud Hilmi, Dr., op. cit, h. 87.
- ²⁹ Seksyen 3, Jadual Ketiga Perlembagaan Persekutuan.
- ³⁰ Sumpah bagi Yang di-Pertuan Agong adalah seperti berikut:

“Kami..... ibni..... Yang di-Pertuan Agong bagi Malaysia bersumpah dengan melafazkan:

Wallahi: Wabillahi: Watallah:

Maka dengan lafadz ini berikrarlah kami dengan sesungguh dan dengan sebenarnya mengaku akan taat setia pada menjalankan dengan adilnya pemerintahan bagi Malaysia dengan mengikut sebagaimana Undang-Undang dan Perlembagaan Negeri yang telah disah dan dimasyorkan dan yang akan disah dan dimasyorkan di masa hadapan ini. Dan lagi kami berikrar mengaku dengan sesungguh dan dengan sebenarnya memeliharaan pada setiap masa Ugama Islam dan berdiri tetap di atas pemerintahan yang adil dan aman di dalam negeri.”

Lihat Bahagian 1, Jadual Keempat, Perlembagaan Persekutuan.

- ³¹ Perkara 37 (1) Perlembagaan Persekutuan.
- ³² Sebahagian dari teks Sumpah jawatan bagi Yang di-Pertuan Agong Bahagian 1 Jadual Keempat, Perlembagaan Persekutuan.
- ³³ Perkara 44, Perlembagaan Persekutuan.
- ³⁴ Perkara 66, Perlembagaan Persekutuan.
- ³⁵ Perkara 66 seksyen 4 dan 5, Perlembagaan Persekutuan.
- ³⁶ Lihat Perkara 66 (4A), Perlembagaan Persekutuan.
- ³⁷ Perkara 55, Perlembagaan Persekutuan.
- ³⁸ Perkara 60, Perlembagaan Persekutuan.

-
- ³⁹ Perkara 65 (2), Perlembagaan Persekutuan.
- ⁴⁰ Perkara 45(1) (b), Perlembagaan Persekutuan.
- ⁴¹ Perkara 45 (1) (aa), Perlembagaan Persekutuan.
- ⁴² Perkara 45 (2), Perlembagaan Persekutuan.
- ⁴³ Jadual ketujuh seksyen 1 (2), Perlembagaan Persekutuan.
- ⁴⁴ Mahkamah Khas adalah sebuah mahkamah yang ditubuhkan khas, dianggotai oleh Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan sebagai pengurus, hakim-hakim besar Mahkamah Tinggi dan dua orang lain yang dilantik oleh Majlis Raja-Raja. Dua orang yang dilantik itu adalah yang memegang atau yang pernah memegang jawatan sebagai hakim Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Tinggi. Lihat, Perkara 32 (1) dan Perkara 182 (1), Perlembagaan Persekutuan.
- ⁴⁵ Perkara 34 (1), Perlembagaan Persekutuan.
- ⁴⁶ Perkara 3 (3), Perlembagaan Persekutuan.
- ⁴⁷ Perkara 3 (5), Perlembagaan Persekutuan.
- ⁴⁸ Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan.
- ⁴⁹ Jadual Ketujuh, Perlembagaan Persekutuan.
- ⁵⁰ Perkara 45 (1) (a), Perlembagaan Persekutuan.
- ⁵¹ Perkara 45 (4) a,b dan c, Perlembagaan Persekutuan.
- ⁵² Perkara 120 (a), (b), (c), Perlembagaan Persekutuan.
- ⁵³ Perkara 45 (2), Perlembagaan Persekutuan.
- ⁵⁴ Contoh sumpah sebagai ahli Dewan Negara ialah seperti berikut:

"Saya....., setelah dipilih (atau dilantik) sebagai seorang ahli Dewan Negara adalah dengan ini mengangkat sumpah (atau berikrar) dengan sesungguhnya bahawa saya akan menunaikan kewajipan-kewajipan saya sebagai yang demikian dengan jujur dengan segala daya upaya saya, bahawa saya akan menumpahkan taat setia yang sebenar kepada Malaysia, dan akan memelihara, melindungi serta mempertahankan Perlembagaannya".

Lihat Seksyen 2, Jadual Keenam, Perlembagaan Persekutuan.

- ⁵⁵ Perkara 59, Perlembagaan Persekutuan.

-
- 56 Perkara 45 (3), Perlembagaan Persekutuan.
- 57 Seksyen 8, Bahagian Dua, Jadual Ketujuh, Perlembagaan Persekutuan.
- 58 Perkara 51 Perlembagaan Persekutuan.
- 59 Tarikh bermulanya kekosongan tersebut hendaklah disahkan oleh Yang Dipertua Dewan Negara.
- 60 Perkara 54 (1), Perlembagaan Persekutuan.
- 61 Seksyen 1 (2), Jadual ketujuh, Perlembagaan Persekutuan
- 62 Perkara 56 (1), Perlembagaan Persekutuan.
- 63 Perkara 58, Perlembagaan Persekutuan.
- 64 Perkara 64, Perlembagaan Persekutuan.
- 65 Perkara 56 (2), Perlembagaan Persekutuan.
- 66 Perkara 51, Perlembagaan Persekutuan.
- 67 Perkara 56 (3), Perlembagaan Persekutuan.
- 68 Perkara 56 (4), Perlembagaan Persekutuan.
- 69 Perkara 56 (5), Perlembagaan Persekutuan.
- 70 Perkara 56 (6), Perlembagaan Persekutuan.
- 71 Perkara 65 (2), Perlembagaan Persekutuan.
- 72 Perlembagaan terkini yang dimaksudkan ialah Perlembagaan Persekutuan yang mengandungi semua pindaan sehingga 10 haribulan Januari 2002. Lihat Lembaga Penyelidikan Undang-undang, *Perlembagaan Persekutuan (Hingga 10 hb. Januari 2002)*, Kuala Lumpur: International Law Book Services, 2002.
- 73 Perkara 46, Perlembagaan Persekutuan.
- 74 Syarat-syarat kelayakan dan peranan ahli-ahli Parlimen Malaysia akan dihuraikan secara terperinci dalam bab ini selepas ini.
- 75 Perkara 119, Perlembagaan Persekutuan.
- 76 Perkara 119 (3) (a), Perlembagaan Persekutuan.
- 77 Perkara 119 (1) (b), Perlembagaan Persekutuan.

⁷⁸ Perkara 116, Perlembagaan Persekutuan.

⁷⁹ Pembahagian kawasan hendaklah dibuat berdasarkan beberapa peruntukan berhubung dengan persempadanan bahagian pilihanraya yang diperuntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan. Lihat Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan.

⁸⁰ Contoh sumpah sebagai ahli Dewan Rakyat ialah seperti berikut:

"Saya....., setelah dipilih sebagai seorang ahli Dewan Rakyat adalah dengan ini mengangkat sumpah (atau berikrar) dengan sesungguhnya bahawa saya akan menunaikan kewajipan-kewajipan saya sebagai yang demikian dengan jujur dengan segala daya upaya saya, bahawa saya akan menumpahkan taat setia yang sebenar kepada Malaysia, dan akan memelihara, melindungi serta mempertahankan Perlembagaannya".

Lihat Seksyen 2, Jadual Keenam, Perlembagaan Persekutuan.

⁸¹ Perkara 59, Perlembagaan Persekutuan.

⁸² Perkara 55 (3), Perlembagaan Persekutuan.

⁸³ Perkara 55 (4), Perlembagaan Persekutuan.

⁸⁴ Perkara 51 Perlembagaan Persekutuan.

⁸⁵ Perkara 48 (6), Perlembagaan Persekutuan.

⁸⁶ Perkara 57 (1) (a), Perlembagaan Persekutuan.

⁸⁷ Perkara 57 (1) (b), Perlembagaan Persekutuan.

⁸⁸ Perkara 57 (1A) (b), Perlembagaan Persekutuan.

⁸⁹ Contoh sumpah Jawatan dan Taat Setia adalah seperti berikut:

"Saya....., setelah dipilih (atau dilantik) memegang jawatan..... adalah dengan ini mengangkat sumpah (atau berikrar) dengan sesungguhnya bahawa saya akan menunaikan kewajipan-kewajipan jawatan itu dengan jujur dengan segala daya upaya saya, bahawa saya akan menumpahkan taat setia yang sebenar kepada Malaysia, dan akan memelihara, melindungi serta mempertahankan Perlembagaannya".

Lihat Seksyen 1, Jadual Keenam, Perlembagaan Persekutuan.

⁹⁰ Perkara 57 (4), Perlembagaan Persekutuan.

⁹¹ Perkara 58, Perlembagaan Persekutuan.

⁹² Perkara 57 (3), Perlembagaan Persekutuan.

-
- ⁹³ Perkara 57 (2) dan (2A), Perlembagaan Persekutuan.
- ⁹⁴ Perkara 57 (2) (c), Perlembagaan Persekutuan.
- ⁹⁵ Perkara 57 (2), Perlembagaan Persekutuan.
- ⁹⁶ Perkara 57 (2A), Perlembagaan Persekutuan.
- ⁹⁷ Perkara 57 (5), Perlembagaan Persekutuan.
- ⁹⁸ Perkara 57 (6), Perlembagaan Persekutuan.
- ⁹⁹ Perkara 65 (1), Perlembagaan Persekutuan.
- ¹⁰⁰ Perkara 65 (2), Perlembagaan Persekutuan.
- ¹⁰¹ Perkara 47 (a), Perlembagaan Persekutuan.
- ¹⁰² Mohamed Suffian bin Hashim, *Mengenal Perlembagaan Malaysia*, Abdul Majid bin Abdul Latif dan Ridzuan bin Omar (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1987, h. 361.
- ¹⁰³ Ibid, 357
- ¹⁰⁴ Perkara 14 Perlembagaan Persekutuan
- ¹⁰⁵ Mohamed Suffian bin Hashim, op. cit., h. 367.
- ¹⁰⁶ Perkara 15, Perlembagaan Persekutuan.
- ¹⁰⁷ Perkara 16, Perlembagaan Persekutuan.
- ¹⁰⁸ Perkara 16(A), Perlembagaan Persekutuan.
- ¹⁰⁹ Perkara 22, Perlembagaan Persekutuan.
- ¹¹⁰ Mohd Salleh Abas, *Prinsip Perlembagaan Dan Pemerintahan Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1977, h. 273.
- ¹¹¹ Perkara 48 (1) (a), Perlembagaan Persekutuan.
- ¹¹² Perkara 48 (1) (b), Perlembagaan Persekutuan.
- ¹¹³ Perkara 48, (1) (c) Perlembagaan Persekutuan.
- ¹¹⁴ Tun Mohamed Suffian, op. cit., h. 41.

-
- ¹¹⁵ Ibid.
- ¹¹⁶ Perkara 48 (1) (d) Perlembagaan Persekutuan.
- ¹¹⁷ Perkara 48 (3), Perlembagaan Persekutuan.
- ¹¹⁸ Perkara 48 (1) (e), Perlembagaan Persekutuan.
- ¹¹⁹ Atau sebelum hari Malaysia, di wilayah-wilayah yang terkandung dalam sesuatu Negeri Sabah atau Sarawak atau Singapura. Lihat Perkara 48 (1) (e) Perlembagaan Persekutuan.
- ¹²⁰ Perkara 48 (3), Perlembagaan Persekutuan.
- ¹²¹ Ibid.
- ¹²² Perkara 48 (2), Perlembagaan Persekutuan.
- ¹²³ Perkara 48 (4) (a), Perlembagaan Persekutuan.
- ¹²⁴ Perkara 48 (4) (b), Perlembagaan Persekutuan.
- ¹²⁵ Perkara 48 (4) (c), Perlembagaan Persekutuan.
- ¹²⁶ Perkara 48 (5), Perlembagaan Persekutuan.
- ¹²⁷ Perkara 48 (1) (f), Perlembagaan Persekutuan.
- ¹²⁸ Perkara 48 (3), Perlembagaan Persekutuan.
- ¹²⁹ Perkara 49, Perlembagaan Persekutuan.
- ¹³⁰ Lihat Utusan Malaysia Rabu 1 Disember 1999, h. 25.
- ¹³¹ Perkara 52 (1) Perlembagaan Persekutuan.
- ¹³² Perkara 52 (2), Perlembagaan Persekutuan.
- ¹³³ Perkara 53 (1), Perlembagaan Persekutuan.
- ¹³⁴ Perkara 50 (1), Perlembagaan Persekutuan.
- ¹³⁵ Perkara 50 (2), Perlembagaan Persekutuan.
- ¹³⁶ Perkara 50 (4), Perlembagaan Persekutuan.
- ¹³⁷ Perkara 55 (1), Perlembagaan Persekutuan.

-
- ¹³⁸ Perkara 55 (2), Perlembagaan Persekutuan.
 - ¹³⁹ Perkara 55 (4), Perlembagaan Persekutuan.
 - ¹⁴⁰ Perkara 55 (3), Perlembagaan Persekutuan.
 - ¹⁴¹ Perkara 55 (4), Perlembagaan Persekutuan.
 - ¹⁴² Perkara 55 (5), Perlembagaan Persekutuan.
 - ¹⁴³ Perkara 55 (7), Perlembagaan Persekutuan.
 - ¹⁴⁴ Ibid.
 - ¹⁴⁵ Perkara 62 (1), Perlembagaan Persekutuan.
 - ¹⁴⁶ Perkara 64, Perlembagaan Persekutuan.
 - ¹⁴⁷ Perkara 62 (2), Perlembagaan Persekutuan.
 - ¹⁴⁸ Perkara 62 (4) dan (5), Perlembagaan Persekutuan.
 - ¹⁴⁹ Perkara 63 (1), Perlembagaan Persekutuan.
 - ¹⁵⁰ Perkara 63 (2), Perlembagaan Persekutuan.
 - ¹⁵¹ Perkara 63 (3), Perlembagaan Persekutuan.
 - ¹⁵² Perkara 63 (5), Perlembagaan Persekutuan.